



KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** yang pendaftarannya masih berkuatkuasa di bawah kod bidang berkenaan bagi menyertai sebut harga berikut :-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KELAYAKAN	HARGA
UiTM/KS/3/2022/3	CADANGAN TAWARAN MENJALANKAN PERKHIDMATAN KEDAI PERCETAKAN DAN FOTOSTAT DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN	SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN KOD BIDANG : 020601, 222010 DAN SIJIL BUMIPUTERA	RM28.00 (Tunai Sahaja)

- Dokumen Sebut Harga boleh didapati di **PEJABAT BENDAHARI, ARAS 1 BANGUNAN DATO' KLANA PETRA, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS SEREMBAN, 70300 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS** pada waktu pejabat 8.15 pagi – 4.45 petang.
- Dokumen Meja Tawaran Sebut Harga juga dipamerkan di Pejabat Bendahari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban
- Lawatan Tapak/Taklimat akan di adakan pada **05/08/2022 (JUMAAT) JAM 10.00 PAGI** DI BILIK MESYUARAT PEJABAT BENDAHARI, ARAS 1, BANGUNAN DATO' KLANA PETRA, UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS SEREMBAN. Kontraktor dikehendaki membawa Bersama-sama:-
 - Sijil Kementerian Kewangan Malaysia kod bidang 020601, 222010 & Sijil Pendaftaran Perniagaan (SSM)
 - Sijil Bertaraf Bumiputera
 - Menyerahkan satu SALINAN (fotostat) sijil berkenaan semasa membeli dokumen sebut harga.
- Lawatan tapak merupakan satu Syarat Wajib bagi menyertai Sebut Harga. Senarai kehadiran bagi lawatan tapak akan dicatat dan ditandatangani oleh kontraktor semasa sesi taklimat dan lawatan di tapak-tapak projek berkenaan yang akan diadakan pada tarikh dan masa seperti yang tersebut di atas.
- Hanya Penama di dalam Perakuan **SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN (KKM)** sahaja yang boleh menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak tersebut. Petender tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada Penama di dalam sijil-sijil yang dinyatakan. Kontraktor yang TIBA LEWAT daripada masa yang telah ditetapkan untuk sesi Taklimat dan Lawatan Tapak akan dikenakan tindakan seperti berikut:-
 - Tidak dibenarkan menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak
 - Tidak akan diberikan Borang Pengesahan Lawatan Tapak yang telah ditandatangani oleh Pegawai Jabatan ini
 - Tidak dibenarkan menyertai Tawaran Tender yang dibuka ini dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan
- Satu (1) penyebut harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja
- Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **PEJABAT BENDAHARI, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, NEGERI SEMBILAN, KAMPUS SEREMBAN, 70300 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS** dengan menulis nombor dan tajuk Sebut Harga di sebelah kiri atas di sampul tawaran berkenaan.
- Tawaran Sebut Harga akan ditutup pada **11/08/2022 Jam 12.00 Tengahari.**